

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB DR. ONG KIAN MING [SERDANG]

TARIKH : 24 MAC 2015 (SELASA)

SOALAN :

YB DR. Ong Kian Ming [Serdang] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan kenapa tidak ada tambahan kerusi Parlimen di negeri Sarawak memandangkan 11 kerusi DUN baru telah dicadangkan dalam persempadanan semula negeri Sarawak.

JAWAPAN : YB DATO' SERI DR. SHAHIDAN BIN KASSIM
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Urusan Kajian Semula Persempadanan Bahagian-Bahagian Pilihan Raya Negeri Sarawak dilaksanakan selaras dengan keputusan Dewan Undangan Negeri Sarawak yang meluluskan pindaan undang-undang ke atas Fasal 2, Perkara 14 Perlembagaan Negeri Sarawak berhubung komposisi keanggotaan DUN daripada 71 kerusi kepada 82 kerusi pada 11 November 2014 dan telah diwartakan untuk dikuatkuasakan pada 5 Disember 2014.

Pada masa yang sama berdasarkan kepada kajian, SPR berpandangan bahawa apa-apa penambahan kerusi Parlimen di Sarawak boleh dilaksanakan jika terdapat pindaan terhadap Perkara 46 Perlembagaan Persekutuan.

Sekian. Terima kasih.